

# KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA IKHWAN...

## Ucapan Selamat Hari Raya

Kepada saudara-saudara anggota Ikhwan,

Terlebih dahulu pihak anggota pimpinan Ikhwan

mengucapkan Selamat Hari Raya kepada sekalian ahli-ahli

Ikhwan dengan ucapan *mina al-‘āidīn al-fāizīn al-maqbūlīn*.

Kita adalah meminta maaf di atas apa jua kelambatan  
dan kelengahan terhadap kepada seluruh anggotanya di dalam  
beberapa tahun ini disebabkan keadaan-keadaan kita sendiri  
menghadapi beberapa kesulitan dan kepayahan sedang kita  
tetap di dalam dasar kita bahawa tidak akan meminta  
apa-apa jua bantuan yang boleh memberatkan kepada anggotanya.

Di dalam masa-masa yang lalu kita telah mencuba membuat  
risalah-risalah percuma dan meminta kepada ahli-ahli Ikhwan memintanya  
dengan memberi setem untuknya tetapi sambutan di dalam  
perkara ini sangat-sangat tidak memuaskan. Kerjasama daripada  
anggota-anggota ikhwan di dalam hal ini tidak seberapa memberi  
sambutan. Nampaknya anggota Ikhwan semata-mata berhajat  
kepada risalah percuma yang dihantarkan dengan percuma sahaja.  
Untuk ini di dalam beberapa masa yang lalu kita tidak  
berupaya mengadakannya kerana langkah yang sedemikian ini  
besar benar bebannya kepada kita kerana untuk setem dan  
mengerjakan menghantarnya sahaja akan memakan belanja tidak  
kurang daripada \$500 tiap-tiap kali menghantarnya, iaitu  
selain daripada harga percetakan risalah itu.

Memandang supaya sentiasa ada perhubungan di antara  
pengelola Ikhwan dengan ahli-ahlinya maka kita mencari jalan  
untuk mendapatkan risalah-risalah percuma yang ada perkaitannya

dengan kedudukan umat Islam, terutamanya yang menderita

disebabkan perkuasaan sesuatu kekuasaan. Kita

rasa kerana ia tidak bertentangan dengan dasar Islam

maka tidaklah mengapa, buat sementara kita menghantar risalah  
yang memperingatkan akan keganasan komunis terhadap  
Islam dan seterusnya cerita-cerita mengenai pembelaan  
orang-orang Islam ke atas dirinya sehingga ada yang terpaksa  
meninggalkan tanah airnya, daripada perkuasaan yang bersifat  
kebinatangan itu.

Hal ini kita jalan buat sementara sehingga  
kita sendiri berkemampuan memberi bahan yang baik  
untuk bacaan dan perhatian kita bersama terhadap  
kepada perkembangan untuk beringat di dalam kemajuan agama  
kita.

Risalah yang kita sebut itu, *Inshā-Allah* akan  
mengunjungi anggota-anggota Ikhwan tidak lama lagi.  
Mudah-mudahan ia akan memberi manfaat kepada kita bersama.  
Kita bersetuju mengirimkan risalah yang serupa ini kepada  
semua anggota Ikhwan adalah berpandukan kepada pesanan  
saudara Muhammad Natsir, Yang Dipertua Masyumi, yang meminta  
menyebarluaskan dengan seluas-luasnya riwayat-riwayat orang-orang di Asia Tengah  
yang dahulunya menjadi sebuah kerajaan Islam yang besar  
dan orang-orangnya adalah menjadi ‘ulama’-‘ulama’ yang terkenal dan  
terbilang. Hal mereka jauh daripada pendengaran kita dan  
kerana itu mustahak kita mengetahuinya dan akan  
membandingkannya dengan kedudukan kita masa yang akan datang.